

15) RUMAH SELANGORKU

Adun : Y.B. Tuan Mu'izzuddeen Bin Mahyuddin (Hulu Bernam)

Kategori : Bertulis

Sesi : 1 (2024)

Sub soalan :

- a) **Berapakan bilangan unit projek Rumah Selangorku yang masih dalam perancangan di Dun Hulu Bernam?**

Sehingga 31 Disember 2023, terdapat **28 projek** dengan **10,218 unit** Rumah Selangorku telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di kawasan Daerah Hulu Selangor. Daripada jumlah tersebut, **satu (1) projek** dengan **2,254 unit** Rumah Selangorku telah diluluskan di kawasan Dun Hulu Bernam dan kini di peringkat kelulusan Pelan Bangunan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

- b) **Dimanakah lokasi perancangan projek Rumah Selangorku di Dun Hulu Bernam?**

Berikut merupakan perincian projek di kawasan Dun Hulu Bernam :-

PEMAJU	LOKASI PROJEK	BILANGAN UNIT
Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB)	Di Atas Hakmilik PN 117728 Lot 13663, Mukim Kuala Kalumpang, Daerah Hulu Selangor.	2,340 unit